

# SOP pandemik tak jejas ‘kemesraan’ aktiviti sosial

**Penularan** COVID-19 menukar arus kehidupan dan mengakibatkan impak berpanjangan kepada gaya hidup masyarakat dunia. Malaysia tidak terkecuali.

Majoriti rakyat Malaysia mempunyai latar belakang didikan, nilai dan cara hidup lebih kurang sama, iaitu sarat adat ketimuran serta cepat mesra dengan orang lain.

Ringkasnya, apa sahaja aktiviti sosial lebih meriah jika ‘berjemaah’. Namun, aktiviti sosial secara konvensional seperti bertemu sua, saling mengunjungi, makan bersama di restoran dan beriadah beranjak kepada gaya hidup

berteras digital melalui media sosial.

Ini mengakibatkan kebiasaan ketika aktiviti sosial seperti adab kesopanan

dalam pertemuan dan perkenalan, perbualan sosial, peranan sebagai tetamu atau tuan rumah, kesopanan menghadiri majlis atau tertib berkomunikasi dengan setiap lapisan masyarakat, berubah mendadak.

Suasana positif bersulamkan adab tertib ketika berkomunikasi mempunyai impak langsung terhadap produktiviti dan kualiti kerja dihasilkan.

Kadar tekanan di rumah dan di tempat kerja juga berkurangan apabila semua mengamalkan etika sosial dan peranan masing-masing seperti diamakan.

Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sukanan pelajaran etika sosial secara konvensional didedahkan kepada penjawat awam melalui kursus anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Tujuannya memastikan keharmonian di tempat kerja sentiasa pada kadar optimum. Penekanan kursus termasuk

tertib bersalaman, etika perbualan sosial, etika di meja makan, peranan tetamu dan tuan rumah dan adab berkomunikasi

Namun, PKP membawa perubahan. Antara yang ketara jarak fizikal antara individu di tempat awam menjadi peraturan wajib dipatuhi dan pelitup muka dipakai sepanjang masa menyebabkan ‘sedekah’ melalui ukiran senyuman hanya dapat dizahirkan melalui pergerakan mata.

Pemakaian pelitup muka mengakibatkan keberkesanan komunikasi tanpa ucap terbatas kerana sukar membaca atau menilai ekspresi wajah seseorang.

Amalan kebiasaan baharu etika sosial berpandukan prosedur operasi standard (SOP) dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) menjadi peraturan dalam pelaksanaan semua aktiviti, walaupun masih ada segelintir yang kekok.

Berkomunikasi melalui medium elek-

tronik tidak dinafikan lebih mudah, cepat dan selamat. Asimilasi digital berlaku pada setiap peringkat umur bagi memudahkan urusan harian serta rasmi dan bagi memelihara silaturahim dalam kalangan saudara, jiran tetangga atau rakan.

Namun, keharmonian dan adab dalam berkomunikasi melalui medium elektronik tidak boleh dipandang ringan.

Kebiasaan baharu etika sosial dalam urusan harian jika diberi perhatian dan dipraktikkan sama ada secara bersua ataupun melalui medium elektronik boleh mengelak konflik, salah faham dan krisis komunikasi.

Apa yang pasti, keselamatan lebih utama berbanding kemesraan.

**Penulis** adalah Perunding Latihan Kanan Sub Kluster Komunikasi Kluster Inovasi, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)



**Halida  
Burkhan**